

# UPM juara liga hoki MASUM

SERDANG 5 April – Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara Liga Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) setelah menewaskan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam perlawanan terakhir liga dengan keputusan 7 – 0 di padang hoki USM baru-baru ini.

Kemenangan ke atas USM itu membolehkan UPM menduduki tempat pertama Divisyen Satu, Liga Hoki MASUM 2009 dengan mengumpul 21 mata, sekali gus muncul juara liga buat tahun kedua berturut-turut.

Pengurus Hoki UPM, Johan Ali gembira dengan kemenangan itu walaupun dua pemain utama UPM yang juga atlet negara iaitu Mohamed Sukri Abd Mutalib dan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil tidak dapat bermain.

UPM yang dibarisi beberapa pemain hoki kebangsaan seperti Baljit Singh, Nabil Fiqri Mohd. Noor dan Mohamad Herwan Pami turut hadir serta dua pemain remaja kebangsaan, Ahmad Kazamirul Nasarudin dan Muhamad Faisal Kamarudin yang mencatatkan rekod cemerlang tanpa kalah dalam tujuh perlawanan.

Menurutnya, saingan liga hoki itu pada tahun ini sengit kerana saingan terdekat iaitu Universiti Malaya (UM) turut dibarisi atlet negara dan negeri sementara Universiti Teknologi Mara (UiTM) mempunyai majoriti pemain skuad negeri.

“Perlawanan terakhir dengan USM penting kerana jika UPM kalah dan UM memenangi perlawanan terakhirnya, kedua-dua pasukan akan terikat dari segi mata dan juara ditentukan menerusi jaringan gol,” katanya.

Liga Hoki MASUM turut disertai Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).